

**UCAPAN PERASMIAN
YB DATUK HAJAH AZIZAH BINTI DATUK SERI PANGLIMA MOHD DUN
TIMBALAN MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT**

**MAJLIS PENUTUP KURSUS PERSIAPAN PEKERJAAN
'SELANGKAH MENUJU KERJAYA'**

PUSAT LATIHAN PERINDUSTRIAN DAN PEMULIHAN (PLPP) BANGI

**26 APRIL 2016 (SELASA)
10.00 PAGI**

[SALUTASI]

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh selamat pagi,
salam sejahtera, salam 1 perpaduan dan salam 1Malaysia.

1. Alhamdulillah, saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurniaNya kita dapat berkumpul pada pagi ini untuk bersama-sama dalam Majlis Perasmian Penutupan Kursus Persiapan Pekerjaan 'Selangkah Menuju Kerjaya.'

2. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada *D'Tandoor International Restaurant* yang telah sudi menjalankan Tanggungjawab Sosial Korporat bersama Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi mempertingkatkan tahap kualiti kehidupan kumpulan sasaran JKM. Ini selaras dengan hasrat murni kerajaan untuk memperkasakan klien Jabatan dalam pelbagai aspek kehidupan.

Hadirin yang dihormati,

3. Tanggungjawab Sosial Korporat bukanlah satu perkara baharu di Malaysia dan perlaksanaannya ini dipermantap melalui konsep *National Blue Ocean Strategy* (NBOS) yang telah dilahirkan oleh Perdana Menteri Malaysia. Sejak dari Rancangan Malaysia ke Sembilan (RMK-9), Kerajaan telah menekankan

kerjasama erat di antara sektor korporat dan Kerajaan dalam usaha mencapai keseimbangan sosioekonomi Negara.

4. Pekerjaan merupakan salah satu elemen penting dalam pembangunan sesebuah negara yang mana menjurus pada pembangunan sosio-ekonomi. Bahkan, salah satu kriteria untuk menuju sebuah negara maju adalah berkaitan dengan inklusiviti meliputi pelbagai aspek kehidupan termasuklah usaha untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi yang sememangnya berkaitan dengan pekerjaan. Ini jelas dinyatakan dalam teks ucapan pembentangan Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11) yang disampaikan oleh Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Seri Najib bin Tun Abdul Razak pada 21 Mei tahun lepas yang meletakkan tema inklusiviti sebagai satu daripada enam strategi utama rancangan ini.
5. Jika kita berbicara secara khusus dalam pembangunan untuk komuniti OKU pula, pekerjaan merupakan aspek yang dititikberatkan dan dijadikan antara agenda utama dan dinyatakan secara jelas dalam Konvensyen Hak OKU (CRPD) pada artikel 27, Incheon Strategi yang meletakkannya sebagai strategi pertama dan Akta OKU 2008 juga memberi keutamaan pada hal ini sepertimana yang terkandung dalam seksyen 29; Akses pada pekerjaan. Malahan, dalam Dasar & Pelan Tindakan OKU yang diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 25 Mac yang lalu juga meletakkan tema pekerjaan sebagai salah satu agenda utama dalam pembangunan OKU yang berteraskan hak (Right Base) dan kesaksamaan (equality).

Hadirin yang dihormati,

6. Hari ini melakar sejarah bagi pihak penganjur dan KPWKM, saya difahamkan kursus ini merupakan kerjasama pintar pertama (*smart partnership*) yang dijalinan pihak D'Tandoor dengan JKM bagi menzahirkan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) dalam bersama-sama, seiring dan selangkah bagi membangunkan dan mewujudkan peluang pekerjaan kumpulan sasaran Jabatan Kebajikan Masyarakat terutamanya golongan Orang Kurang Upaya (OKU).

Bagi pihak KPWKM dan JKM, sekalung penghargaan serta ribuan terima kasih, semoga lebih banyak lagi sektor korporat akan mencontohi inisiatif yang dilaksanakan pihak D'Tandoor dalam membantu kumpulan sasar KPWKM.

7. Kerjasama pintar ini merupakan contoh terbaik Kerjasama Multi-Sektoral (Multi-Sectoral Coloboration) yang ditekankan di dalam Community Based Inclusive Development (CBID) yang mana semua pihak berkepentingan (stakeholder) tidak kira pihak kerajaan dan swasta untuk berkongsi apa saja bentuk sumber yang ada baik dalam bentuk kewangan, kepakaran dan sebagainya untuk sama-sama melakukan pembangunan dalam melahirkan masyarakat yang inklusif.
8. Elemen inklusiviti yang berkaitrapat dengan hak dan kesamarataan merupakan aspek yang amat dititikberatkan dan diterjemahkan melalui konsep tanggungjawab sosial (Social Responsibility) yang harus dipikul oleh semua pihak ke arah menuju ke sebuah negara maju seperti kata pepatah "berat sama dipikul, ringan sama dijinjing". Sehubungan itu, adalah menjadi harapan saya agar usahasama ini dapat berkekalan dan berterusan serta diperluaskan di pelbagai sektor meliputi pendidikan, pengangkutan, kesihatan dan kemudahan.

Hadirin yang dihormati,

9. Saya tertarik dengan salah satu pengisian dalam kursus ini iaitu sesi temuduga yang bakal diadakan sebentar lagi yang melibatkan sejumlah 20 majikan yang bersedia untuk menempatkan klien JKM termasuk golongan OKU di organisasi masing-masing. Dengan rasa besar hati saya ingin umumkan pada hari ini, kita menyediakan lebih kurang 200 calon terdiri golongan OKU, Klien Produktif Welfare Jabatan Kebajikan Masyarakat, Sukarelawan Komuniti dan para pelatih Perintah Khidmat Masyarakat yang bersedia untuk bekerja.
10. Kehadiran para majikan merupakan contoh terbaik bagaimana pentadbiran sebuah kerajaan yang utuh dapat menjalinkan kerjasama pihak swasta dalam mengaplikasikan Pendekatan Trek Berkembar (*Twin Track Approach*) yang memberi penekanan terhadap elemen pemerkasaan dan pengupayaan sosial

yang akan memberi manfaat kepada segenap lapisan masyarakat terutamanya golongan OKU.

11. Sesungguhnya dengan kehadiran dan peluang yang diberikan oleh tuan-tuan dan puan-puan akan memberi impak yang besar dalam kehidupan klien JKM terutamanya golongan OKU dalam membentuk mereka menjadi modal insan yang produktif dan turut mampu menyumbang dalam pembangunan Negara. *“Give a man a fish he will be full for a day, teach a man how to fish he will be full for the rest of life”*
12. Dikesempatan ini saya memohon kepada para majikan yang bakal melantik pekerja dari golongan OKU untuk tidak mengabaikan elemen pengupayaan sosial (*Sosial Enablement*) yang antaranya menekankan elemen rekabentuk secepat dan penyediaan Sistem Sokongan yang berorientasikan kepada keperluan seseorang pekerja. Saya juga ingin mencadangkan agar pihak majikan melihat keperluan mengadakan program *Disability Equality Training* (DET) yang merupakan salah satu latihan yang efektif bagi membantu mewujudkan kesedaran terhadap cabaran dan keperluan OKU dikalangan para pekerja.
13. Adalah menjadi tanggungjawab kita bersama sebagai masyarakat yang inklusif untuk membantu untuk menghapuskan apa bentuk halangan termasuklah halangan sikap dan persekitaran bagi memastikan golongan OKU dapat hidup samarata sebagaimana yang ditekankan dalam Model Sosial yang merupakan asas kepada Akta Orang Kurang Upaya 2008 mahupun Konvensyen Hak OKU (CRPD).

Hadirin yang dihormati,

14. Penganjuran Kursus Persiapan Pekerjaan ‘Selangkah Menuju Kerjaya’ turut menyumbang dalam membantu usaha pemulihan pelatih Perintah Khidmat Masyarakat (PKM) yang berada dalam lingkungan usia produktif dan

mempunyai prospek masa depan yang masih panjang. Jabatan Kebajikan Masyarakat telah merangka sebanyak 67 program pemulihan pelatih PKM akan dilaksanakan sepanjang tahun 2016 bertujuan memberi pengajaran, pemulihan, penginsafan dan pengintergrasian kepada pelatih PKM.

15. Program Kerjaya seperti ini merupakan salah satu program wajib yang perlu dihadiri oleh setiap pelatih PKM sebelum mereka tamat menjalani PKM bagi membantu para pelatih mengenalpasti minat dan kecenderungan kerjaya peserta, memberi panduan peluang kerjaya yang bersesuaian dengan kelayakan akademik dan memberi kesedaran kepada pelatih bahawa mereka masih mempunyai peluang masa depan.

Hadirin yang dihormati

16. Kepada para peserta kursus, adalah menjadi harapan saya agar saudara-saudari akan mengaplikasikan tips-tips yang penting dan berguna yang telah diajar sepanjang kursus dua hari ini dan berusaha untuk memburu pekerjaan yang sesuai dengan kelayakan dan kemampuan anda. Pasti anda telah mengenalpasti potensi dan kemampuan diri dalam menentukan bentuk pilihan kerjaya yang tepat dan sekaligus berjaya dalam sesi temuduga sebentar lagi. Semoga program ini telah berjaya menyuntik semangat dan menjadi pemangkin kepada saudara-saudari dalam usaha untuk memburu pekerjaan yang ditawarkan baik daripada pihak kerajaan mahupun swasta.
17. Khusus bagi peserta dari golongan OKU pula, rebutlah peluang ini dan buktikan kepada masyarakat bahawasanya golongan OKU sudah bersiapsiaga untuk keluar dari model sosial 'charity-based' dan melangkah ke model 'right-based'. Diharap segala maklumat yang telah dikongsikan menjadikan saudara-saudari lebih bersedia dan peka untuk membantu mengikis stigma masyarakat yang biasa dilontarkan kepada golongan OKU.
18. Akhir kata, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan Program Kursus Persiapan Pekerjaan Selangkah

Menuju Kerjaya ini dan sekalung tahniah kepada pihak penganjur iaitu *D'Tandoor International Restaurant* dan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan serta seluruh warga kerja termasuk Hakim Sdn. Bhd. serta pihak majikan yang telah bersama-sama membantu menjayakan program ini.

Dengan Lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya Merasmikan Penutupan Kursus Persiapan Pekerjaan 'Selangkah Menuju Kerjaya'.

Sekian, Wabillahitaufik walhidayah